

## *Majlis Sumber Air Negara ke 6*



**Lawatan Kerja YB Menteri Ke Perak - hlm 4**

**Minggu Alam Sekitar Malaysia 2011 -hal 9**

**SPATR di Labuan - hal 5**



## Tinta Editor

Salam Sejahtera & Salam 1NRE

eBuletin NRE edisi September & Oktober 2011 sekali lagi muncul dengan hasrat untuk berkongsi pengalaman dan maklumat, khususnya di seluruh pembaca. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan aktiviti-aktiviti menarik di sepanjang bulan ini.

Antara yang menarik mengenai paparan bulan ini ialah Majlis Sumber Air Keenam yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 6 Oktober 2011. Antara keputusan yang dicapai ialah persetujuan menggunakan Dasar Sumber Air Negara, berteraskan tiga prinsip diterima pakai oleh semua kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dalam memastikan pengurusan sumber air yang bersepadu dan lestari.

Antara paparan lain lawatan YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar ke Perak bagi berhubung projek Rancangan Tebatan Banjir di Sungai Kerian Ini telah membuktikan komitmen YBM NRE untuk memastikan projek-projek yang dalam proses menepati tarikh siap dan seterusnya memberi sumbangan dan faedah kepada rakyat.

Tidak dilupakan juga Minggu Alam Sekitar Malaysia 2011, Sabah acara tahunan yang berfokuskan kepada usaha-usaha menyelamatkan alam sekitar dan lain-lain berita yang menarik sepanjang bulan ni

Justeru, perkara paling utama ialah kesanggupan untuk bersama mengemblem tenaga, mengharungi pelbagai cabaran. Semoga NRE tahun 2011 ini NRE akan terus lebih cemerlang dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej dan prestasi di NRE.

## SIDANG PENGARANG eBULETIN NRE

### Penaung

Y. Bhg Dato' Zoal Azha Yusof  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

### Ketua Pengarang

Puan Yamuna Perimalu

### Pengarang

Cik Nor Azean Hasan

### Jurufoto

En. Mohd Nazri Rapaai  
En. Mohamad Haidhir Hamzah

### Sidang Redaksi Buletin NRE

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Aras 1, Podium 2, No. 25 Persiaran Perdana  
Wisma Sumber Asli Presint 4  
62574 Putrajaya.  
E-mel : [ukk@nre.gov.my](mailto:ukk@nre.gov.my) \_Tel : 03-8886 1728

## Kandungan

- Majlis Sumber Air Negara ke 6 3
- Lawatan YB Menteri ke Perak 4
- Sistem Penapisan Air Tanah Ringkas Labuan 5
- Cerita Lensa NRE 6 & 7
- Program Konservasi Pengu 8
- Tree Theatre Group wakili Malaysia 9
- Usim Juara Debat Alam Sekitar 9
- Sambutan Minggu Alam Sekitar 10
- Campus NRE : SEALDANG 11
- Info: NRE :  
Larangan dalam Hutan Simpan Kekal 12

## Renungan...

" Honesty is the first chapter in the book of wisdom "

-Thomas Jefferson



# MAJLIS SUMBER AIR NEGARA KE-6 : DASAR SUMBER AIR NEGARA DITERIMA PAKAI



YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri & YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, sebelum Majlis Sumber Air Negara bermula di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur

KUALA LUMPUR 6 Okt - Majlis Sumber Air Negara (MSAN) ke-6 telah mencapai persetujuan supaya Dasar Sumber Air Negara (DSAN) yang berteraskan tiga prinsip diterima pakai oleh semua kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dalam memastikan pengurusan sumber air yang bersepadu dan lestari.

Prinsip pertama ialah jaminan sumber air terjamin bagi keperluan semasa dan akan datang untuk manusia, pengeluaran makanan, pemeliharaan alam sekitar dan keperluan Industri.

Prinsip kedua, kelestarian sumber air untuk mengoptimumkan penggunaan dan meminimumkan pembaziran melalui kawalan dan perancangan kawasan tadahan melalui amalan terbaik pengurusan pembangunan sumber air dan lembangan sungai bersepadu.

Prinsip ketiga pula adalah urus tadbir secara bersama pihak berkepentingan adalah mustahak bagi memastikan kelestarian sumber air di samping pengagihan sumber air yang adil dan saksama.

Selain itu, mesyuarat turut bersetuju satu pelan Tindakan bersama Pengurusan Bekalan Air ditubuhkan beserta jawatankuasa khas bagi menerajui dan memantau pelaksanaannya. Sehubungan itu, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan juga akan maksanakan pendekatan konsep Kehidupan Dalam Persekitaran Banjir dengan fokus utama iaitu adaptasi terhadap situasi banjir serta mempergiatkan langkah-langkah yang dapat mengurangkan risiko banjir.

MSAN keenam ini dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin di Parlimen dan turut dihadiri oleh Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Dato Sri Douglas Uggah Embas dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui serta tujuh orang Menteri Persekutuan, Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri.

Sebanyak empat Kertas pertimbangan telah dibentangkan pada mesyuarat kali ini iaitu :

- (i) Dasar Sumber Air Negara;
- (ii) Komitmen Bersama Bagi Memastikan Kualiti Sumber Air Di Muka Sauk dalam Kategori Minimum Kelas Dua;
- (iii) Pendekatan Konsep Kehidupan dalam Persekitaran Banjir; dan
- (iv) Pewartaan Tapak Tasik Ladam Semula jadi dan Buatan Sebagai Rizab Sungai.

# LAWATAN KERJA YB MENTERI KE PERAK

## RTB DI UTARA PERAK, PENANG DAN KEDAH LULUS

IPOH, 28 Okt – YB Dato Sri Douglas Uggah Emas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam sesi lawatan kerja beliau ke SUK Perak memaklumkan bahawa Kerajaan telah meluluskan pembinaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bagi mengatasi masalah banjir di seluruh Lembangan Kerian yang melibatkan bahagian utara negeri Perak, Pulau Pinang dan Kedah.

RTB ini dijangkakan dapat mengatasi masalah banjir di daerah Kerian dan Larut Matang dan Selama (LMS) di Perak yang kini didiami hampir 100,000 penduduk. Antara kerja-kerja yang akan dijalankan termasuklah pembinaan tebatan banjir, mendalamkan sungai dan kolam (tasek) Bukit Merah.

Tambah beliau, pelaksanaan projek itu akan menangani masalah banjir di dua bandar utama LMS iaitu Parit Buntar dan Bagan Serai serta jajaran Lebuhraya Utara Selatan di Alor Pongsu. Perancangan yang dicadangkan itu termasuk kerja-kerja mendalamkan dua sungai besar iaitu Sungai Kurau dan Sungai Kerian serta beberapa sungai-sungai kecil yang berada di kawasan terbabit.

Selain itu, kolam Bukit Merah turut menaik taraf bagi membolehkan peningkatan kapasiti takungan air yang dapat mengurangkan risiko berlakunya banjir. Keutamaan diberikan kepada daerah ini kerana kesan akibat banjir terlalu serius dan mem-



MESRA .... YB Dato Sri Douglas Uggah Emas bersalaman dengan YAB Dato' Sri Dr. Zambry Abdul Kadir, Menteri Besar Perak ketika sesi lawatan beliau ke Perak di Pejabat Menteri Besar di Bangunan SUK Perak.

beri impak besar kepada penduduk dan kawasan sawah padi setiap kali berlaku hujan lebat.

Katanya dalam perjumpaan dengan kerajaan negeri, pihak NRE telah berbincang mengenai usaha-usaha pengambilan tanah dan isu-isu lain yang timbul dalam pelaksanaan projek itu.

Turut hadir, Menteri Besar Perak YAB Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Rahman Hashim dan Ketua Setiausaha NRE, Dato Zual Azha Yusof.



LAWAT... YB YAB Dato' Sri Dr. Zambry Abdul Kadir . Memberi penerangan ringkas kepada YB Dato Sri Douglas Uggah Emas dalam sesi lawatan sekitar pejabat beliau di Ipoh.

## SISTEM PENAPISAN AIR TANAH RINGKAS : ATASI MASALAH BEKALAN AIR BERSIH DI LABUAN

**Tanjong Kubong, 15 September**—Usaha untuk menampung bekalan air di Kolej Matrikulasi Labuan (KML) disalurkan melalui sumber air tanah berikutan penemuan dua buah telaga yang berkeupayaan mengeluarkan air bawah tanah sejumlah 0.4 liter/hari (MLD) telah dikenalpasti di kawasan kolej tersebut.

“Kita bernasib baik kerana akuifer yang digali berupaya membekalkan air untuk kegunaan kira-kira 2,300 pelajar dan staf di Kolej Matrikulasi ini”, jelas Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup ketika lawatan kerja beliau bagi meninjau Sistem Penapisan Air Tanah Ringkas (SPATR) di KML.

Tambah beliau lagi , bagi menjamin kualiti air bawah tanah yang dikeluarkan ianya memerlukan rawatan asas sebelum digunakan.

Projek SPATR merupakan hasil kajian potensi air tanah dan juga salah satu sumbangan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Mineral dan Geosains bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan air bersih di Labuan. Turut serta dalam lawatan tersebut ialah Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains dan Setiausaha Bahagian, Mineral dan Geosains, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Dr. Azimuddin Bahari.

Sumber air di Pulau Labuan berasaskan kepada dua empangan dan melalui saluran paip dari Sabah. Turut dibangunkan sumber Air Bawah Tanah bagi menampung keperluan air di Labuan. Pada tahun 2009 dan 2010 kemarau berpanjangan mengakibatkan krisis bekalan air yang serius kepada pengguna domestik.

Justeru, Kerajaan mengambil tindakan efektif dengan mengarahkan Sime Darby Utilities untuk menjalankan kajian penilaian dan membangunkan jika bersesuaian. Sebanyak 15 telaga telah digerudi namun sebahagiannya tidak mampu membekalkan air bawah tanah.

Jabatan Mineral dan Geosains sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam bidang air bawah tanah telah menjalankan kerja penyeliaan bersama Jabatan Bekalan Air Labuan.



BERSIH... YB Tan Sri Joseph Kurup membuat perbandingan air yang ditapis dan air mineral yang ada di pasaran. Turut serta bersama beliau ialah Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains , Datuk Haji Yunus Abdul Razak.(kanan)



TAPIS... YB Tan Sri bersama Ketua Pengarah JMG dan SUB BMG memerhatikan tangki penapis air tanah yang dibina di Kolej Matrikulasi Labuan.

# CERITA LENSA NRE



## MESYUARAT NEGARA –NEGARA ASEAN BAGI MENANGANI PENCEMARAN JEREBU MERENTASI SEMPADAN KALI KE 12

BANGKOK, 23 SEPTEMBER —YB Menteri NRE bersama rakan sejawat dalam Mesyuarat Berhubung Jerebu Merentasi Sempadan. Mesyuarat ini diwakili oleh lima negara yang terlibat iaitu Malaysia, Thailand, Singapura, Brunei dan Indonesia .

## NRE KPI GALLERY WALK 2011

PUTRAJAYA, 29 SEPTEMBER—YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dalam sesi lawatan dan mendengar penerangan ringkas daripada Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato. Dr. Abdul Rahman berhubung pencapaian KPI jabatan tersebut Program anjuran Unit *Key Performance Indicators* NRE ini diadakan di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli, Putrajaya. Turut dilancarkan Buku Petunjuk Prestasi Utama NRE 2010/2011.



## PEMUDAH CHALLENGE SEASON 2: RECOGNITION CONTRIBUTION

PUTRAJAYA, 30 SEPTEMBER- Pemenang-pemenang PEMUDAH Challenge Season 2 dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia di panel booth pameran idea-idea pemenang. Majlis penyampaian di sampaikan oleh Y.Bhg Tan Sri Sidek Hj Hasan, Ketua Setiausaha Negara bertempat di Putrajaya International Convention Centre, Putraya. Setiap idea yang diterima oleh PEMUDAH akan menerima wang ganjaran sebanyak RM 1,000.

# CERITA LENSA NRE

## LAWATAN KERJA YB MENTERI KE RANCANGAN TEBATAN BANJIR KUALA MUDA

**KUALA MUDA, 17 OKTOBER** – YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mendengar taklimat daripada Jurutera projek di Pasir Bisik dalam sesi lawatan kerja beliau ke Tapak Projek Rancangan Tebatan Banjir Kuala Muda Kedah. Antara yang turut serta dalam lawatan ini ialah Datuk Aziyah Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) dan Dr. Abdul Rahim Nik, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar)



## SIMPOSIUM TAPIR ANTARABANGSA KE- 5

**KUALA LUMPUR, 17 OKTOBER** – YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersalaman dengan salah seorang pembentang kertas kerja Simposium Tapir Antarabangsa Ke- 5 yang telah diadakan di Hotel Flamingo, Kuala Lumpur. Simposium ini ini, telah dihadiri seramai 82 peserta yang terdiri daripada 43 orang peserta tempatan dan 52 orang peserta luar negara dari Amerika Latin, Amerika Syarikat, Eropah dan Asia.

## MINGGU ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI SABAH

**LIKAS, 23 OKTOBER** – YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar berbincang dengan Tuan Haji Zainie Abdul, Presiden Sabah Wetlands Conservation Society ketika sesi lawatan beliau di Kota Kinabalu Wetlands di Likas., Kota Kinabalu, Sabah. Kota Kinabalu Wetlands kini sedang berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai salah satu Tapak Ramsar di dunia.



# PROGRAM KONSERVASI PENYU DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



**SIMBOLIK...**Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri NRE, melepaskan anak penyu sebagai simbolik di pelancaran Program Konservasi Penyu Wilayah Persekutuan Labuan, di Hotel Grand Dorset Labuan. Turut serta ialah Dr. Sukarno Wagiman, Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut (Kiri), Datuk Abdullah Karim, Presiden Petronas Carigali Sdn Bhd (dua dari kiri) serta Datuk Hj Yussof Haji Mahal, Ahli Parlimen Labuan (dua dari kanan)



**KERJASAMA ....** Pegawai Jabatan Taman Laut Malaysia dan Petronas Carigali dalam sesi melepaskan anak penyu di Pulau Rusukan Besar. Program ini merupakan usaha sama JTLM dan Petronas dalam usaha meningkatkan jumlah populasi penyu di Labuan.



**PAMERAN PENYU....** YB Timbalan Menteri bersama Ahli Parlimen Labuan dalam sesi lawatan di Booth pameran JTLM di Hotel Grand Dorset, Labuan.

**LABUAN, 15 Sept** - Jabatan Taman Laut dan Petronas Carigali Sdn Bhd bekerjasama menubuhkan Pusat Penetasan Penyu yang pertama di Labuan, Projek Perintis ini bertujuan untuk bagi membiak dan memulihara penyu sebagai usaha meningkatkan bilangan hidupan laut itu yang semakin terancam.

Penubuhan pusat itu telah diletakkan di dua buah pulau Taman Laut Labuan iaitu Pulau Rasukan Besar dan Pulau Rasukan Kecil dengan kos pembiayaan projek sebanyak RM 53, 000 daripada pihak Petronas Carigali.

Majlis pelancaran projek ini disempurnakan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Tan Sri Joseph Kurup melalui Program Konservasi Penyu Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan DI Hotel Grand Dorset, Labuan.

Projek ini membabitkan pembinaan sebuah pusat penetasan telur penyu. Spesies Penyu Agar direkodkan sebagai spesies penyu pertama yang mendarat di Pulau Rusukan Besar. Sebanyak 881 biji telur penyu yang ditemui di pulau ini sejak Mei lepas dan telah dipindahkan ke pusat penetasan tersebut dengan kadar kejayaan lebih 85 peratus berjaya ditetaskan.

YB Tan Sri Joseph Kurup, dalam ucapannya berkata tindakan keras akan dikenakan terhadap sesiapa yang menjalankan kegiatan penangkapan penyu dan pengambilan telur penyu secara haram. Tambah beliau amalan memakan telur penyu perlu dihentikan serta-merta berikutan tabiat ini akan menyumbang kepada kemerosotan populasi penyu.

Sempena pelancaran projek pembiakan dan pemuliharaan penyu itu, sebanyak 150 ekor anak penyu dilepaskan di Pulau Rusukan Besar.

Hadir sama ialah Ahli Parlimen Labuan, Datuk Haji Yusof Mahal; Ketua Pengarah Jabatan Taman Laut, Dr. Sukarno Wagiman; Presiden Petronas Carigali Sdn. Bhd, Datuk Abdullah Karim dan Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, Dato' Yunus Razak.



# SAMBUTAN MINGGU ALAM SEKITAR MALAYSIA 2011

Kuala Terengganu, 18 ktober - Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Kebangsaan 2011 telah sempurnakan oleh YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu.

MASM kali ini memperlihatkan kelainan dengan mengumumkan penerima Anugerah Langkawi 2010/2011 adalah The Frangipani Langkawi Resort & Spa atas pentadbiran & pengurusan yang menitikberatkan amalan penjimatan tenaga dan pengurusan buangan yang lestari. Sebelum ini anugerah ini hanya diberikan kepada individu bukan syarikat atau pertubuhan.

Anugerah Langkawi merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan tertinggi anjuran Jabatan Alam Sekitar kepada individu berwarganegara Malaysia atau pertubuhan/organisasi yang telah memberikan sumbangan besar dan berjasa dalam bidang alam sekitar.

Selain itu, bagi meningkatkan lagi penyertaan sekolah-sekolah dalam program ini, program Sekolah Lestari telah diangkat sebagai satu program *flagship* di bawah Program Rakan Alam Sekitar (RAS). Program ini dilaksanakan mengikut kawasan Parlimen di seluruh Malaysia. Pemenang bagi Projek Terbaik Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar bagi Kategori Sekolah Rendah: SK Ledang, Tangkak, Johor manakala bagi Kategori Sekolah Menengah dimenangi oleh SM St. Michael, Penampang, Sabah

Antara yang turut hadir dalam majlis ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar Negeri Terengganu, YB Dato' Toh Chin Yaw, Ketua Setiausaha, NRE, Dato' Zol Azha Bin Yusof, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dato' Hajjah Rosnani Ibrahim.





**SERAH....** Datuk Aziyah Mohamed, TKSU Sumber Asli menyerahkan bendera Malaysia kepada wakil *The Tree Theatre Group* di Putrajaya.

Pemilihan wakil-wakil ini berdasarkan beberapa projek alam sekitar Pertubuhan ini seperti Kempen untuk Hari Pokok Sedunia (World Tree Day), Kempen Selamatkan Biodiversiti (*Save our Biodiversity*) dan Kempen *Stand Up for Climate Change* yang memberikan telah memberikan impak kepada masyarakat setempat.

**PUTRAJAYA, 23 September** - Seramai 12 orang kanak-kanak dan remaja berumur 12 hingga 18 tahun hadir ke Wisma Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menghadiri Majlis Penyerahan Bendera Malaysia daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).

Ini merupakan acara simbolik daripada Kerajaan Malaysia untuk menyokong Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan *The Tree Theatre Group* yang disempurnakan oleh Y.Bhg Datuk Aziyah Mohamed Timbalan Ketua Setiausaha, NRE. Pertubuhan ini telah dipilih mewakili Malaysia ke *The United Nation Environment Programme's Tunza International Children and Youth Conference* yang berlangsung dari 27 September hingga 1 Oktober 2011 bertempat di Bandung, Indonesia.

## USIM JUARA DEBAT ALAM SEKITAR

Durian Tunggal, 28 September - Universiti Sains Islam Malaysia telah dinobatkan sebagai Juara Debat Alam Sekitar 2011 dengan mengenyepikan pencabarnya Universiti Malaya dalam perbahasan yang bertajuk Kelestarian Alam Sekitar Membina Ketamadunan Bangsa.

Pendebat dari USIM yang terdiri daripada Mohamad Shah Izad Saleh, Mohd. Faiz Hussim Shokri, Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli dan Muhd. Irhamudin Ibrahim membawa pulang wang tunai RM8,000, piala pusingan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar serta piala iringan. Manakala, pendebat UM yang muncul sebagai naib juara membawa pulang wang tunai RM5,000 dan piala iringan dan bagi tempat ketiga dan keempat milik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang masing-masing membawa pulang wang tunai RM1,000 dan piala iringan.

Pertandingan itu juga menyaksikan pendebat USIM, Mohd. Ikhwan Mohd. Rosseli dipilih sebagai pendebat terbaik yang melayakkannya membawa pulang wang tunai RM1,500, piala Ketua Pengarah Alam Sekitar dan hadiah iringan.

Majlis yang diadakan di Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Durian Tunggal ini, telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Dr Abdul Rahim Nik yang mewakili YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang.



**JUARA ...** Wakil USIM menayangkan hadiah yang disampaikan oleh Dr. Abdul Rahim Nik, TKSU II Alam Sekitar

Program tahunan anjuran Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini telah disertai oleh 28 Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang bertempap merebut kejuaraan dalam membahaskan topik hangat berhubung isu-isu alam sekitar.

# SELADANG

## KENALI SELADANG

Seladang (*Bos Gaurus hubbacki*) \_ merupakan mamalia darat kedua terbesar di Malaysia selepas gajah. Ia tergolong dalam keluarga bovidae dibawah order Artiodactyla. Seladang mendiami kawasan hutan pamah dan bergantung kepada sumber air, jenut dan makanan. Spesies ini hidup secara berkumpulan dan kumpulan terbesar yang pernah direkodkan terdiri daripada 40 ekor.

Musim pembiakan spesies ini adalah sepanjang tahun dengan tempoh kemuncak diantara buklan disember dan Jun. Tempoh Bunting Seladang betina adalah antara 310 hingga 314 hari dan seekor boleh melahirkan lebih kurang 13 ekor anak sepanjang tempoh hayatnya, jangka hayat Seladang dalam kurungan adalah diantara 17 hingga 19 tahun.

## PEMBIAKAN SELADANG

Seladang merupakan salah satu spesies utama di Semenanjung Malaysia. Populasi seladang yang semakin berkurangan mencetuskan program pembiakan seladang dalam kurungan pada tahun 1982. Jabatan Perhilitan telah menubuhkan Pusat Konservasi Hidupan Liar PHKL Jenderak Selatan, Pahang bagi tujuan ini. Sehingga kini, Seladang juga dibiakkan di PHKL Sungkai Perak, Perak dan PHKL Gua Musang, Kelantan. Berikutan kejayaan pembiakan Seladang dalam kurungan ini dan pada masa yang sama penurunan populasi Seladang Liar di habitat asal, maka program penurunan di Seladang Liar di habitat asal, maka program pelepasan dilihat sebagai usaha yang terbaik untuk konservasi spesies ini.

## PROGRAM PELEPASAN SELADANG

Objektif utama program ini adalah untuk melepaskan Seladang separa liar ke habitat asal terutamanya di kawasan-kawasan perlindungan Jabatan PERHILITAN bagi menambah jumlah populasi liar spesies ini yang semakin berkurangan.

Program Pelepasan Seladang yang pertama telah dijalankan pada 3 Julai 2010, melibatkan sepasang Seladang dari PKHL Jenderak Selatan dilepaskan ke Rezab Hidupan Liar Krau, Pahang.

Program ini juga merupakan kajian permulaan bagi menentukan adaptasi individu Seladang yang dilepaskan. Seladang tersebut telah dipasang kolar satelit bagi menentukan kedudukan dan corak pergerakan sepanjang tempoh kajian.

Data yang diperolehi akan digunakan untuk melaksanakan program pelepasan secara besar-besaran bagi spesies ini pada masa akan datang.





# PERBUATAN LARANGAN DALAM HUTAN SIMPAPAN KEKAL



Denda maksimum RM500,000 dan penjara mandatori minimum 1 tahun tetapi tidak melebihi 20 tahun. Pembalakan haram di bawah Seksyen 15 (1) (Hutan Simpanan Kekal & Tanah Kerajaan) dan 40 (1) (Tanah Beri Milik, Tanah Lombong, Tanah di bawah Lesen Pendudukan Sementara & Tanah Rizab). Mengubah tanda sempadan hutan dan merosakkan tanda pada pokok di bawah Seksyen 86.



Mengambil kayu balak tanpa lesen



Mengubah tanda sempadan dan merosakkan tanda tanda pada pokok

Memiliki hasil hutan secara haram.



Melakukan pembakaran



Menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti tanpa permit.

Denda RM50,000 atau penjara 5 tahun atau kedua-dua sekali. Kesalahan seperti menebang, memproses kayu, membakar pokok dan menjalankan aktiviti tanpa permit.

Merosakkan pokok dengan api



Menggelang atau menoreh pokok



Membuang sampah-sarap



Mengambil hasil hutan seperti batu-batuan atau bahan-bahan mineral tanpa lesen.



Membenarkan atau membiarkan ternakan meragut



Membersih atau membajak mana-mana tanah untuk tanaman



Denda RM10,000 atau penjara 3 tahun atau kedua-dua sekali. Kesalahan seperti melepaskan ternakan meragut, meneroka tanah hutan, menceroboh tanah hutan, menuba, memburu, membuang sampah, mengambil hasil hutan, mengambil batu sungai, buah-buahan madu lebah, rotan, akar kayu, sarang burung, kulit kayu dan lain-lain lagi.

Mengambil gaharu tanpa lesen



Memasuki hutan simpanan kekal tanpa kebenaran.



Memburu, menembak binatang, memasang jerat dan perangkap



Mengambil pokok-pokok herba untuk perubatan tanpa lesen



Mengambil hasil-hasil hutan seperti rotan, buah-buahan dan lain-lain tanpa lesen



Menuba, membuang bahan toksik atau bom ikan di dalam sungai atau tasik.

**Hukuman berat menanti anda jika sabit kesalahan Mengikut Akta Perhutanan Negara 1984**